

CIMB ENRICH MASTERCARD TERMS AND CONDITIONS

Version: 1 April 2021

1. The benefits granted by CIMB Bank Berhad [197201001799(13491-P)] ("the Bank") for the Enrich Mastercard Card which is a co-branded card issued in conjunction with Malaysia Airlines Berhad [201401040794(1116944-X)] ("**Malaysia Airlines**") shall be subject to the terms and conditions hereinafter set out. All CIMB Enrich World Elite Credit Card, CIMB Enrich World Credit Card, and CIMB Enrich Platinum Credit Card Cardholders ("**Card**") shall be bound by the terms and conditions herein.
2. For each retail spending transaction towards the payment of goods and/or services at any merchant, the Cardholder(s) will earn CIMB Bonus Miles. The rate at which CIMB Bonus Miles are earned ("**Earn Rates**") is decided by the Bank and notified to the Cardholder(s) from time to time. Earn Rates for CIMB Bonus Miles will vary depending on whether they are local or overseas retail spending transactions. "**Retail Spending Transactions**" for the purposes of earning CIMB Bonus Miles shall mean purchase transactions for goods and services, including online purchases for goods and services. The following transactions will not earn CIMB Bonus Miles:-
 - (a) all monthly instalments due for any programmes/arrangements operated by the Bank, including but not limited to CashLite, instalment payment plan, cash advance, balance transfer, balance conversion and auto balance conversion;
 - (b) retail transactions in respect of purchases of petrol, diesel and any other purchases made at the petrol kiosk;
 - (c) quasi cash transactions - (for example: betting and/or gaming transactions);
 - (d) late payment charges, reversals, fraudulent retail transactions and other fees and charges;
 - (e) lump sum repayment of the original transaction amount which the Cardholder(s) previously elected to make repayment by monthly instalments under instalment payment facilities provided by the Bank or other banks where the Bank granted the Cardholder(s) the CIMB Bonus Miles on the original transaction;
 - (f) recurring payments/transactions;and/or
 - (g) JomPAY and/or FPX transactions.
3. The Bank's decision as to what transaction earns CIMB Bonus Miles shall be conclusive, save for manifest error. A retail spending transaction shall be considered to be an overseas retail spending transaction if the merchant at which such spending took place has a registered country code that is outside Malaysia.
4. Where the Earn Rates for CIMB Bonus Miles are on a tiered basis (applicable only to CIMB Enrich World Elite Credit Cardholder(s)), the following shall apply:-
 - (a) The CIMB Bonus Miles earned by both principal and supplementary Cardholder(s) will be combined to determine whether the relevant tier has been reached.
 - (b) The record of the total CIMB Bonus Miles earned which will determine which tier the Cardholder(s) is in will be updated annually on the Card's anniversary date (which shall be the date the Bank approved the Cardholder(s)' first CIMB Enrich World Elite Credit Card based on the Bank's records).
 - (c) The Bank's Welcome Bonus Miles, Campaign Bonus Miles and the extra CIMB Bonus Miles earned by the Cardholder(s) for every RM1 spent online with Malaysia Airlines via www.malaysiaairlines.com shall be included in determining which tier the Cardholder(s) is in.
5. The Cardholder(s) may ask for his CIMB Bonus Miles to be converted into Enrich Points subject to the terms and conditions of the Bank's Member Rewards Programme. Enrich Points can be used under the Malaysia Airlines Enrich program subject to the prevailing terms and conditions imposed by Malaysia Airlines. When a Cardholder(s) asks the Bank to convert his CIMB Bonus Miles into Enrich Points, the Bank shall forward the request to Malaysia Airlines to credit the Cardholder(s) Enrich account with Enrich Points. The rate of conversion of CIMB Bonus Miles to Enrich Points shall be at the prevailing rate set out in the Bank's Member Rewards Catalogue. The Bank may vary the conversion rate from time to time by giving adequate prior notice to the Cardholder(s). The Cardholder(s) must follow-up with Malaysia Airlines and check their own Enrich accounts with Malaysia Airlines to make sure that their requested conversions have been completed.
6. The Cardholder(s) may also ask for his CIMB Bonus Miles to be used to offset the annual fees charged on the Card subject to the prevailing terms and conditions of the Bank's Member Rewards Programme. The rate of conversion of CIMB Bonus Miles to offset an annual fee charged shall be at the prevailing rate set out in the Bank's Member Rewards Catalogue. The Bank reserves the right to vary the rate from time to time by giving adequate prior notice to Cardholder(s).
7. The CIMB Bonus Miles earned by the Cardholder(s) for the current month shall be reflected in the next month's statement and will be rounded down to the nearest CIMB Bonus Miles. The Bank may however vary the date and the frequency of the crediting of the CIMB Bonus Miles at its sole and absolute discretion. If any transactions are disputed or alleged to be fraudulent, the CIMB Bonus Miles earned on such transactions may be reversed or cancelled by the Bank at its sole and absolute discretion.
8. If the Cardholder(s) does not make the minimum payment due from his previous month statement on time, the CIMB Bonus Miles earned by the Cardholder(s) for the current month's statement will not be awarded to the Cardholder(s).

9. CIMB Bonus Miles expire three (3) years (i.e. 36 months) after the end of the statement cycle month in which they were earned. For example, if a particular statement cycle month is 27 September 2015, CIMB Bonus Miles earned between 27 August 2015 and 26 September 2015 will expire and be forfeited by 27 September 2018, or upon cancellation of the credit card, whichever shall be earlier. All CIMB Bonus Miles must be redeemed before they expire. The Bank may alter the validity period of accumulated CIMB Bonus Miles by giving the Cardholder(s) adequate prior notice of such change and the Cardholder(s) will be given a grace period to utilize or redeem the CIMB Bonus Miles. The change will take effect from the date stated in such notice. Any unused CIMB Bonus Miles will be automatically forfeited after the applicable expiry date and the Bank has no obligation to reinstate expired CIMB Bonus Miles.
10. The Bank may at any time, without having to give any reason and without incurring liability, suspend indefinitely, cancel and/or terminate the benefits granted for the Card by giving the Cardholder(s) adequate prior notice. During special promotions or sales periods, Malaysia Airlines may also reserve the right, upon giving adequate prior notice to the Cardholder(s) to suspend all or any of the benefits available under the Card.
11. For redemption of Enrich Points or any enquiries or disputes relating to the Cardholder(s)' Enrich account with Malaysia Airlines, the Cardholder(s) must contact and resolve the issues directly with Malaysia Airlines.
12. For enquiries or disputes relating to the Card, the Cardholder(s) must contact and resolve the issues directly with the Bank.
13. If the Cardholder(s) Card is terminated, the Cardholder(s) will not be entitled to convert its accumulated CIMB Bonus Miles into Enrich Points and these CIMB Bonus Miles will be cancelled. If the Cardholder(s) Card or related account is temporarily suspended, CIMB Bonus Miles can be earned and will continue to accumulate, but they cannot be converted into Enrich Points until the suspension is uplifted.
14. CIMB Bonus Miles earned can only be converted into Enrich Points and cannot be used for gift redemption or transferred to other generic card accounts. CIMB Bonus Miles have no monetary value and are not transferable nor exchangeable for cash.
15. CIMB Bonus Miles earned by any supplementary Cardholder(s) will be transferred to the account of the principal Cardholder(s).
16. If the Cardholder(s) requests for any Retail Spending Transactions to be reversed or cancelled, the Bank shall be entitled to immediately reverse or debit the Cardholder(s) Card for CIMB Bonus Miles earned and credited arising from such reversed or cancelled Retail Spending Transaction; and if such CIMB Bonus Miles have been converted to Enrich Points, the Bank shall be entitled to immediately debit the Cardholder(s) Card at the rate of RM0.10 per Enrich Mile converted for such CIMB Bonus Miles or at such other conversion rate which the Bank may decide by giving adequate prior notice to the Cardholder(s).
17. If any Retail Spending Transactions are reversed or cancelled due to the Bank's and/or any third party's errors, (operational, systems or otherwise) or causes beyond the Bank's control, the Bank shall be entitled, after giving seven (7) days prior notice to the Cardholder(s), to reverse or debit the Cardholder(s) Card for the CIMB Bonus Miles arising from these Retail Spending Transaction or to debit the Cardholder(s) Card at the rate of RM0.10 per Enrich Mile (or at such other conversion rate which the Bank may decide by giving adequate prior notice to the Cardholder(s)). Pending the expiry of the seven (7) days' notice period, the Bank may withhold or suspend the conversion of the such CIMB Bonus Miles.
18. If the Malaysia Airlines Enrich program is cancelled, suspended or altered in any way which is detrimental to the Bank or the Cardholder(s), the Cardholder(s)' CIMB Bonus Miles which still remain unconverted into Enrich Points cannot be converted to cash, but the Bank may (but is not obliged) decide to convert these CIMB Bonus Miles to bonus points for other loyalty programmes operated by the Bank at rates determined at the Bank's sole discretion. The Cardholder(s) shall bear the loss suffered on the Cardholder(s)' unredeemed Enrich Points which were converted from CIMB Bonus Miles. The Bank will not be able to assist the Cardholder(s) to get any money or credits back from Malaysia Airlines for these unredeemed Enrich Points.
19. A periodic statement issued by the Bank will reflect Retail Spending Transactions on the Card and the CIMB Bonus Miles earned and later converted into Enrich Points. If there is any error in the periodic statement, (particularly in relation to the Retail Spending Transactions relating to the CIMB Bonus Miles earned or converted into Enrich Points) the Cardholder(s) must report the error to the Bank in writing within fourteen (14) calendar days from the date the Cardholder(s) has received the statement or is deemed to have received the statement, otherwise the Cardholder(s) is deemed to have accepted the entries as correct and conclusive and the statement shall be binding against the Cardholder(s). The Cardholder(s) cannot then make any claims against the Bank by alleging that the statement contains any error, discrepancy or inaccuracy.
20. These terms and conditions are to be read together with the provisions in the Cardholder Terms and Conditions and the Bank's Member Rewards Catalogue. If there is any discrepancy or inconsistency between these terms and conditions, the Cardholder Terms and Conditions and/or the terms and conditions of the Bank's Member Rewards Catalogue, these terms and conditions shall prevail in so far as they apply to the Card. Words in these terms and conditions used if not specifically defined shall have the same meaning as defined in the CIMB Cardholder Terms and Conditions.
21. These Terms and Conditions shall prevail over any representations contained in any other promotional or advertising materials published or issued in relation to the Card.

22. These shall be governed by and construed in accordance with the laws of Malaysia and, for the resolution of disputes; Cardholder(s) agree to submit to the non-exclusive jurisdiction of the Courts of Malaysia.
23. The Bank may vary (whether by adding to, deleting from or otherwise amending) (“Amendment”) any of these terms and conditions by giving the Cardholder(s) at least twenty-one (21) calendar days before the Amendment is effective. Notice of the Amendment may be given in the same way as notice of amendments are given under the Cardholder Terms and Conditions.

TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT *CIMB ENRICH MASTERCARD*

Versi: 1 April 2021

1. Manfaat yang diberikan oleh CIMB Bank Berhad [197201001799(13491-P)] ("Bank") untuk Kad *Enrich Mastercard* yang merupakan kad dwi-jenama dengan kerjasama Malaysia Airlines Berhad [201401040794(1116944- X)] ("**Malaysia Airlines**") hendaklah tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat yang ditetapkan selepas ini. Semua Pemegang Kad Kredit *CIMB Enrich World Elite*, Kad Kredit *CIMB Enrich World*, dan Kad Kredit *CIMB Enrich Platinum* ("Kad") hendaklah terikat dengan terma-terma dan syarat-syarat yang terkandung di sini.
2. Bagi setiap transaksi perbelanjaan runcit untuk pembayaran barang dan/atau perkhidmatan dengan mana-mana peniaga Pemegang Kad akan memperolehi *CIMB Bonus Miles*. Kadar di mana *CIMB Bonus Miles* diperolehi ("**Kadar Perolehan**") diputuskan oleh Bank dan dimaklumkan kepada Pemegang Kad dari semasa ke semasa. Kadar Perolehan bagi *CIMB Bonus Miles* akan berbeza bergantung kepada sama ada transaksi tersebut adalah transaksi perbelanjaan runcit tempatan atau luar negara. "**Transaksi Perbelanjaan Runcit**" untuk tujuan memperolehi *CIMB Bonus Miles* hendaklah bermaksud transaksi pembelian bagi barangan dan perkhidmatan, termasuk pembelian dalam talian untuk barangan dan perkhidmatan. Transaksi berikut tidak akan memperolehi *CIMB Bonus Miles*:
 - (a) semua ansuran bulanan yang kena dibayar untuk sebarang program/peraturan yang dikendalikan oleh Bank, termasuk tetapi tidak terhad kepada CashLite, pelan pembayaran ansuran, pendahuluan tunai, pemindahan baki penukaran baki dan penukaran baki automatik;
 - (b) transaksi runcit berkenaan dengan pembelian petrol, diesel dan sebarang pembelian lain yang dilakukan di kiosk petrol;
 - (c) transaksi tunai kuasi - (contohnya: transaksi pertaruhan dan/atau perjudian);
 - (d) caj bayaran lewat, pembalikan, transaksi runcit yang palsu dan fi dan caj lain;
 - (e) pembayaran balik sekali gus bagi jumlah transaksi asal di mana Pemegang Kad sebelumnya telah memilih untuk membuat bayaran balik melalui ansuran bulanan di bawah mana-mana kemudahan pembayaran ansuran yang diberikan oleh Bank atau bank lain di mana Bank memberikan Pemegang Kad *CIMB Bonus Miles* terhadap transaksi asal;
 - (f) Pembayaran/transaksi berulang;dan/atau
 - (g) Transaksi JomPAY dan/atau FPX.
3. Keputusan Bank mengenai apa yang merupakan transaksi yang memperolehi *CIMB Bonus Miles* hendaklah menjadi konklusif, melainkan kesilapan nyata. Transaksi perbelanjaan runcit hendaklah dianggap sebagai transaksi perbelanjaan runcit luar negara jika peniaga di mana perbelanjaan tersebut berlaku mempunyai kod negara berdaftar yang berada di luar Malaysia.
4. Di mana Kadar Perolehan bagi *CIMB Bonus Miles* adalah berada pada asas berperingkat (hanya untuk Pemegang Kad Kredit *CIMB Enrich World Elite*), berikut hendaklah digunakan:-
 - (a) *CIMB Bonus Miles* yang diperolehi oleh kedua-dua Pemegang Kad utama dan tambahan akan digabungkan untuk menentukan sama ada tahap berkenaan telah dicapai.
 - (b) Rekod jumlah *CIMB Bonus Miles* yang diperolehi yang akan menentukan tahap mana Pemegang Kad berada akan dikemas kini setiap tahun pada tarikh ulang tahun Kad (yang merupakan tarikh apabila Bank meluluskan kad kredit pertama Pemegang Kad berdasarkan rekod Bank).
 - (c) Welcome Bonus Miles, Campaign Bonus Miles dan *CIMB Bonus Miles* tambahan Bank yang diperolehi oleh Pemegang Kad untuk setiap RM1 yang dibelanjakan secara dalam talian dengan Malaysia Airlines melalui www.malaysiaairlines.com hendaklah dimasukkan dalam menentukan tahap mana Pemegang Kad berada.
5. Pemegang Kad boleh meminta *CIMB Bonus Miles* beliau ditukar kepada *Enrich Points* tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat Program Ganjaran Ahli Bank. *Enrich Points* boleh digunakan di bawah program *Enrich Malaysia Airlines* dan akan tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat semasa yang dikenakan oleh Malaysia Airlines. Apabila Pemegang Kad meminta Bank untuk menukar *CIMB Bonus Miles* beliau kepada *Enrich Points*, Bank akan menghantar permintaan kepada Malaysia Airlines untuk mengkreditkan akaun *Enrich* Pemegang Kad dengan *Enrich Points*. Kadar penukaran *CIMB Bonus Miles* ke *Enrich Points* hendaklah pada kadar semasa yang ditetapkan dalam Katalog Ganjaran Ahli Bank. Bank boleh mengubah kadar penukaran dari semasa ke semasa dengan memberikan notis terdahulu yang mencukupi kepada Pemegang Kad. Pemegang Kad mesti membuat susulan dengan Malaysia Airlines dan menyemak akaun *Enrich* mereka sendiri dengan Malaysia Airlines untuk memastikan penukaran yang diminta mereka telah selesai.
6. Pemegang Kad juga boleh meminta *CIMB Bonus Miles* beliau digunakan untuk mengimbangi yuran tahunan yang dikenakan ke atas Kad tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat semasa Program Ganjaran Ahli Bank. Kadar penukaran *CIMB Bonus Miles* untuk mengimbangi yuran tahunan yang dikenakan hendaklah pada kadar semasa yang ditetapkan dalam Katalog Ganjaran Ahli Bank. Bank menyimpan hak untuk mengubah kadar dari semasa ke semasa dengan memberi notis terdahulu yang mencukupi kepada Pemegang Kad.

7. CIMB Bonus Miles yang diperoleh oleh Pemegang Kad untuk bulan semasa akan dicerminkan dalam penyata bulan depan dan akan dibundarkan ke bawah ke CIMB Bonus Miles terdekat. Walau bagaimanapun, Bank boleh mengubah tarikh dan kekerapan pengkreditan CIMB Bonus Miles mengikut budi bicara tunggal dan mutlaknyanya. Jika mana-mana transaksi dipertikaikan atau didakwa sebagai penipuan, CIMB Bonus Miles yang diperolehi atas transaksi tersebut boleh dibalikkan atau dibatalkan oleh Bank atas budi bicara tunggal dan mutlaknyanya.
8. Jika Pemegang Kad tidak membuat pembayaran minimum yang kena dibayar dari penyata bulan sebelumnya tepat pada masanya, CIMB Bonus Miles yang diperolehi oleh Pemegang Kad untuk penyata bulan semasa tidak akan diberikan kepada Pemegang Kad.
9. CIMB Bonus Miles akan tamat tempoh tiga (3) tahun (iaitu 36 bulan) selepas bulan kitaran penyata di mana ia diperolehi berakhir. Sebagai contoh, jika bulan kitaran penyata tertentu ialah 27 September 2015, CIMB Bonus Miles yang diperolehi antara 27 Ogos 2015 dan 26 September 2015 akan tamat tempoh dan akan dilucuthakkan pada 27 September 2018, atau apabila pembatalan kad kredit, yang mana lebih awal. Semua CIMB Bonus Miles mesti ditebus sebelum mereka tamat tempoh. Bank boleh mengubah tempoh sah CIMB Bonus Miles yang terkumpul dengan memberi Pemegang Kad notis terdahulu yang mencukupi berkenaan perubahan tersebut dan Pemegang Kad akan diberi tempoh penangguhan untuk menggunakan atau menebus CIMB Bonus Miles. Perubahan akan berkuat kuasa dari tarikh yang dinyatakan dalam notis tersebut. Mana-mana CIMB Bonus Miles yang tidak digunakan akan dilucuthakkan secara automatik selepas tarikh tamat tempoh yang berkaitan dan Bank tidak mempunyai kewajipan untuk mengembalikan CIMB Bonus Miles yang telah tamat tempoh.
10. Bank boleh pada bila-bila masa, tanpa perlu memberi sebarang sebab dan tanpa menanggung liabiliti, menangguhkan selama-lamanya, membatalkan dan/atau menamatkan manfaat yang diberikan untuk Kad dengan memberi Pemegang Kad notis terdahulu yang mencukupi. Semasa promosi atau tempoh jualan khas, Malaysia Airlines juga boleh merizabkan hak, setelah memberi notis terdahulu mencukupi kepada Pemegang Kad untuk menggantung semua atau mana-mana manfaat yang disediakan di bawah Kad.
11. Untuk penebusan Enrich Points atau sebarang pertanyaan atau pertikaian berhubung dengan akaun Enrich Pemegang Kad dengan Malaysia Airlines, Pemegang Kad mesti menghubungi dan menyelesaikan isu-isu secara langsung dengan Malaysia Airlines.
12. Untuk pertanyaan atau pertikaian berkenaan dengan Kad, Pemegang Kad mesti menghubungi dan menyelesaikan isu-isu secara langsung dengan Bank.
13. Jika Kad Pemegang Kad ditamatkan, Pemegang Kad tidak akan layak untuk menukar CIMB Bonus Miles yang terkumpul ke Enrich Points dan CIMB Bonus Miles ini akan dibatalkan. Jika Kad Pemegang Kad atau akaun berkenaan digantung buat sementara waktu, CIMB Bonus Miles boleh diperolehi dan akan terus dikumpulkan, tetapi mereka tidak boleh ditukarkan ke Enrich Points sehingga penangguhan ditarik balik.
14. CIMB Bonus Miles yang diperolehi hanya boleh ditukarkan ke Enrich Points dan tidak boleh digunakan untuk penebusan hadiah atau dipindahkan ke akaun kad generik lain. CIMB Bonus Miles tidak mempunyai nilai wang dan tidak boleh dipindah milik atau ditukar dengan tunai.
15. CIMB Bonus Miles yang diperolehi oleh mana-mana Pemegang Kad tambahan akan dipindahkan ke akaun Pemegang Kad utama.
16. Jika Pemegang Kad meminta sebarang Transaksi Perbelanjaan Runcit untuk dibalikkan atau dibatalkan, Bank akan berhak untuk membalikkan atau mendebitkan dengan serta merta Kad Pemegang Kad bagi CIMB Bonus Miles yang diperolehi dan dikreditkan yang timbul daripada Transaksi Perbelanjaan Runcit yang dibalikkan atau dibatalkan tersebut; dan jika CIMB Bonus Miles tersebut telah ditukarkan kepada Enrich Points, Bank akan berhak untuk mendebitkan dengan serta merta Kad Pemegang Kad pada kadar RM0.10 setiap Enrich Mile yang ditukarkan untuk CIMB Bonus Miles tersebut atau pada kadar penukaran lain yang mana Bank boleh membuat keputusan dengan memberi notis terdahulu yang mencukupi kepada Pemegang Kad.
17. Jika mana-mana Transaksi Perbelanjaan Runcit dibalikkan atau dibatalkan disebabkan kesilapan Bank dan/atau mana-mana pihak ketiga, (operasi, sistem atau sebaliknya) atau sebab - sebab di luar kawalan Bank, Bank akan berhak, selepas memberikan tujuh (7) hari notis terdahulu kepada Pemegang Kad, untuk membalikkan atau mendebitkan Kad Pemegang Kad untuk CIMB Bonus Miles yang timbul daripada Transaksi Perbelanjaan Runcit atau untuk mendebit Kad Pemegang Kad pada kadar RM0.10 setiap Enrich Mile (atau pada kadar penukaran lain yang boleh ditentukan oleh Bank dengan memberi notis terdahulu yang mencukupi kepada Pemegang Kad). Sementara menunggu penamatan tempoh notis tujuh (7) hari, Bank boleh menahan atau menggantung penukaran CIMB Bonus Miles tersebut.
18. Jika program Enrich Malaysia Airlines dibatalkan, digantung atau diubah dalam apa-apa cara yang merugikan Bank atau Pemegang Kad, CIMB Bonus Miles Pemegang Kad yang masih tidak ditukar kepada Enrich Points tidak boleh ditukar kepada tunai, tetapi Bank boleh (tetapi tidak diwajibkan untuk) membuat keputusan untuk menukarkan CIMB Bonus Miles ini kepada mata bonus untuk program kesetiaan lain yang dikendalikan oleh Bank pada kadar yang ditentukan berdasarkan budi bicara tunggal Bank. Pemegang Kad akan menanggung kerugian yang dialami ke atas Enrich Points yang tidak ditebus oleh Pemegang

Kad yang telah ditukarkan daripada CIMB Bonus Miles. Bank tidak akan dapat membantu Pemegang Kad untuk mendapatkan sebarang wang atau kredit kembali dari Malaysian Airlines untuk Enrich Points yang tidak ditebus ini.

19. Penyata berkala yang dikeluarkan oleh Bank akan memaparkan Transaksi Perbelanjaan Runcit yang dibuat menggunakan Kad dan CIMB Bonus Miles yang diperolehi dan kemudiannya ditukar kepada Enrich Points. Jika terdapat sebarang kesilapan dalam penyata berkala, (terutamanya berhubung dengan Transaksi Perbelanjaan Runcit berhubung dengan CIMB Bonus Miles yang diperolehi atau ditukarkan kepada Enrich Points) Pemegang Kad mesti melaporkan kesilapan kepada Bank secara bertulis dalam tempoh empat belas (14) hari kalendar dari tarikh Pemegang Kad telah menerima penyata atau disifatkan telah menerima penyata tersebut, jika tidak Pemegang Kad dianggap telah menerima catatan sebagai betul dan konklusif dan penyata hendaklah menjadi mengikat terhadap Pemegang Kad. Pemegang Kad tidak boleh selepas ini membuat sebarang tuntutan terhadap Bank dengan mendakwa bahawa penyata mengandungi sebarang kesilapan, percanggahan atau ketidaktepatan.
20. Terma-terma dan syarat-syarat ini hendaklah dibaca bersama dengan peruntukan dalam Terma-Terma dan Syarat-Syarat Pemegang Kad dan Katalog Ganjaran Ahli Bank. Jika terdapat sebarang percanggahan atau ketidakselarasan di antara terma-terma dan syarat-syarat ini, Terma-Terma dan Syarat-Syarat Pemegang Kad dan/atau terma-terma dan syarat-syarat Katalog Ganjaran Ahli Bank, terma-terma dan syarat-syarat ini akan mengatasi sejauh mana ia terpakai pada Kad. Perkataan dalam terma dan syarat yang digunakan jika tidak ditakrifkan secara khusus akan mempunyai maksud yang sama seperti yang ditakrifkan dalam Terma-Terma dan Syarat-Syarat Pemegang Kad CIMB.
21. Terma-Terma dan Syarat-Syarat akan mengatasi sebarang representasi yang terkandung dalam mana-mana bahan promosi atau pengiklanan lain yang diterbitkan atau dikeluarkan berkaitan dengan Kad.
22. Ini akan ditadbir oleh dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan, bagi penyelesaian pertikaian, Pemegang Kad bersetuju untuk menyerahkan kepada bidang kuasa bukan eksklusif Mahkamah Malaysia.
23. Bank boleh mengubah (sama ada dengan menambah, membatalkan atau sebaliknya meminda) ("Pindaan") sebarang terma-terma dan syarat-syarat ini dengan memberikan kepada Pemegang Kad sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalendar sebelum Pindaan menjadi berkuat kuasa. Notis Pindaan boleh diberikan dengan cara yang sama seperti notis pindaan diberikan di bawah Terma-Terma dan Syarat-Syarat Pemegang Kad.